

Urus tekanan domestik, kerjasama ummah hadapi krisis geopolitik



Oleh Prof Dr Ahmad Martadha Mohamed
bhrencana@bh.com.my

Malaysia seperti juga negara lain, berhadapan dengan tekanan ekonomi signifikan, khususnya berpunca ketidaktentuan geopolitik global yang memberi kesan langsung kepada harga tenaga dan rantaian bekalan.

Berdasarkan wawancara eksklusif *BH* dengan Pengarah Kanan Ekonomi dan Kewangan di Pejabat Perdana Menteri, Nurhisham Hussein, semalam, kerajaan kini menanggung beban subsidi bahan

api yang amat besar, mencecah kira-kira RM8.28 juta setiap jam atau bersamaan RM2,300 setiap saat.

Angka ini mencerminkan komitmen kerajaan dalam melindungi rakyat daripada lonjakan kos sara hidup akibat krisis bekalan global dipacu konflik geopolitik di Asia Barat. Namun, beban ini menimbulkan persoalan besar mengenai kemampuan fiskal.

Seperti diakui Nurhisham, tanggungan subsidi pada skala ini tidak dapat bertahan lama. Tambahan pula, krisis semasa berpunca gangguan bekalan yang menjadikan pemulihan lebih perlahan dan tidak menentu.

Di sebalik tekanan itu, ekonomi Malaysia terus menunjukkan prestasi menggalakkan. Perdana Menteri, Anwar Ibrahim, dalam ucapan perasmian Defence Services Asia (DSA) & National Security Asia (NATSEC) 2026 pada 20 April, menegaskan walaupun konflik di Asia Barat menggoncang pasaran global dan meningkatkan harga tenaga, Malaysia kekal sebagai destinasi pelaburan diyakini.

Aliran masuk dana global dalam beberapa minggu terakhir melebihi AS\$2 bilion (RM7.9 bilion) dalam pasaran bon, prestasi ringgit kekal cemerlang sebagai mata wang terbaik di Asia dua tahun berturut-turut serta pertumbuhan ekonomi 5.2 peratus tahun lalu menjadi indikator kukuh bahawa asas ekonomi negara masih stabil. Tambahan pula, pelaburan asing terus meningkat dalam sektor strategik seperti semikonduktor, pembuatan dan aeroangkasa.

Perkembangan ini membuktikan dasar reformasi dan pembabitkan aktif kerajaan dengan pelabur global berjaya memperkukuh kedudukan Malaysia dalam ekonomi antarabangsa, meskipun berdepan tekanan luaran mencabar.

Namun, kekuatan semasa tidak boleh melalaikan keperluan untuk memperkukuh daya tahan ekonomi. Dalam Forum Ilmuwan Malaysia MADANI Siri 11 anjuran Kementerian Pendidikan Tinggi (KPT) malam Ahad lalu, Perdana Menteri menegaskan Malaysia perlu bersedia menghadapi kemungkinan kemerosotan ekonomi akibat peningkatan kos global dan gangguan rantaian bekalan.

Walaupun bekalan petroleum domestik masih mencukupi, cabaran seperti kekurangan diesel dan baja berpotensi memberi tekanan kepada ekonomi. Lebih penting, Perdana Menteri menimbulkan persoalan asas mengenai kemampuan subsidi bahan api.

Walaupun harga RON95 kekal rendah, kos fiskal tinggi memerlukan penilaian semula agar tidak membebani ekonomi dalam jangka panjang. Ini menuntut pendekatan dasar lebih adaptif dan berorientasikan masa depan dalam menghadapi 'dunia pasca normal' yang sarat dengan ketidaktentuan.

Dalam menghadapi ketidaktentuan global, Malaysia bukan sahaja menumpukan pengurusan do-

mestik, tetapi mengangkat wacana pembaharuan pada peringkat antarabangsa.

Sehubungan itu, Perdana Menteri, dalam forum sama, menggesa negara Islam kekal proaktif dan berani meneroka ruang pembaharuan serta kerjasama, meskipun sistem global sedia ada masih didominasi kuasa Barat.

Menurut beliau, seruan memperbaharui struktur kewangan antarabangsa sebenarnya sudah lama dibangkitkan sejak 1990-an, namun masih belum direalisasikan secara bermakna. Kekurangan iltizam kolektif, termasuk dalam kalangan negara Islam sendiri, menjadi antara faktor utama kegagalan usaha berkenaan.

Keperluan penyatuan ummah

Menariknya, inti pati forum turut membangkitkan keperluan penyatuan ummah melalui platform lebih konkrit dan berimpak tinggi. Saya sendiri mencadangkan pembangunan kerangka penyatuan ummah lebih tersusun, berstrategi dan berimpak dalam menghadapi cabaran global memandangkan kerangka yang ada sekarang didapati tidak begitu berkesan.

Antara cadangan dikemukakan ialah memperkukuhkan kerjasama sedia ada dengan menetapkan sasaran lebih jelas seperti menghantar 100 pelajar terbaik Malaysia ke Turkiye untuk melanjutkan pelajaran, di samping negara itu menghantar jumlah pelajar sama ke Malaysia, selain pertukaran akademia serta bentuk kerjasama institusi lebih tersusun bagi memperdalam jaringan intelektual dan pembangunan kapasiti antara negara.

Cadangan ini disambut baik Perdana Menteri, sekali gus mencerminkan kesediaan kepimpinan negara menerjemahkan gagasan penyatuan ummah ke dalam bentuk tindakan praktikal.

Dalam konteks ini, pendekatan kerjasama berskala kecil tetapi berfokus membabitkan negara seperti Malaysia, Turkiye, Indonesia dan Pakistan

dilihat sebagai titik permulaan realistik untuk membina daya tahan ekonomi dan institusi secara berperingkat tanpa perlu menunggu reformasi besar dalam sistem global.

Pada masa sama, Malaysia terus mengekalkan pendirian tegas dalam isu antarabangsa. Perdana Menteri dengan lantang mengesahkan pencerobohan berterusan Israel disokong Amerika Syarikat (AS) di Gaza, Lubnan, Iran dan negara lain yang memberi kesan besar kepada kestabilan global.

Pendekatan ini memperlihatkan dasar luar Malaysia tidak sekadar bersifat reaktif, tetapi berpaksikan prinsip keadilan dan keamanan sejagat. Walaupun berdepan tekanan ekonomi, Malaysia tetap memainkan peranan sebagai suara konsisten dalam memperjuangkan isu global.

Secara keseluruhannya, Malaysia kini berada dalam situasi kompleks, iaitu menanggung beban subsidi tinggi dalam jangka pendek, namun pada masa sama menunjukkan ketahanan ekonomi membebangsangkan. Dalam keadaan sebegini, ruang untuk perbalahan politik berpanjangan tidak lagi relevan dengan keutamaan semasa negara.

Cabaran utama adalah untuk menyeimbangkan antara keperluan melindungi rakyat dengan keperluan memastikan kemampuan fiskal. Justeru, adalah penting bagi semua pihak, baik rakyat mahupun pemimpin politik, untuk mengetepikan segala perbezaan serta menumpukan sepenuh perhatian kepada usaha kolektif dalam menangani krisis ekonomi.

Kekuatan Malaysia terletak pada keupayaannya menyesuaikan dasar, memperkukuh daya tahan serta membina jaringan kerjasama strategik pada peringkat serantau dan global dengan usaha ini hanya dapat dilaksanakan dengan kesatuan politik dan sosial kukuh.

Semua artikel penulis tamu adalah pendapat peribadi, bukan pendirian rasmi BH

